



27 JAN, 2025

## Projek penjanaan elektrik yang besar dirancang di Sabah: TPM

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



# Projek penjanaan elektrik yang besar dirancang di Sabah: TPM

Pembelian tenaga dari Sarawak antara cara atasi masalah bekalan

**TUARAN:** Beberapa projek penjanaan elektrik yang besar sedang dirancang bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di Sabah, sekali gus meningkatkan rezab margin bekalan itu sehingga 30 peratus menjelang 2030, kata Timbalan Perdana Menteri Dato Sri Fadillah Yusof.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Energy Commission of Sabah (ECoS), antara projek yang dirancang adalah pembelian tenaga dari Sarawak pada tahun ini.

Selain itu, katanya projek yang dirancang termasuk pembangunan loji jana kuasa baharu berkapasiti 100MW pada 2026 dan 2027, serta pembangunan ladang solar berskala besar berkapasiti 100MW pada tahun depan.

“Dengan pendekatan strategik oleh kerajaan Sabah untuk meningkatkan kapasiti penjanaan, kerajaan Persekutuan percaya masalah bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan,” katanya berucap pada Program Sabah Electricity Bersama Komuniti serta Rumah Terbuka Krismas 2024 dan Tahun Baharu Cina 2025 di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri III Datuk Shahelmey Yahya, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah Datuk Jahid Jahim, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Datuk Joniston Bangkuai, dan Pengerusi Sabah Electricity Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata kerajaan Persekutuan melalui Kementerian



**HARMONI:** Fadillah (kanan) melakukan ‘yee sang’ bersama Shahelmey (dua kanan) dan Madius Tangau (tiga kanan) sempena Majlis Rumah Terbuka Krismas dan Tahun Baharu Cina anjuran Sabah Electricity di Dewan Sri Sulaman Tuaran dekat Tuaran, semalam. — Gambar Bernama

“ Dengan pendekatan strategik oleh kerajaan Sabah untuk meningkatkan kapasiti penjanaan, kerajaan Persekutuan percaya masalah bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan. ”

**Dato Sri Fadillah Yusof**  
Timbalan Perdana Menteri

Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) juga telah memperuntukkan sebanyak RM102.9 juta untuk pelaksanaan dan penyediaan projek-projek penguatkuhan perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah tahun ini.

“Selepas penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik di

Sabah ini, saya berharap agar kerajaan negeri akan sentiasa komited dalam menangani masalah berkaitan perkhidmatan bekalan elektrik, sekali gus memenuhi peningkatan permintaan elektrik di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata kerajaan Persekutuan khususnya

PETRA bersedia untuk bekerjasama dan membimbing sekiranya Sabah memerlukan bantuan serta khidmat nasihat.

“Kerajaan Persekutuan juga komited dan menyokong agenda pembangunan penjanaan elektrik di Sabah bagi memastikan rakyat menerima manfaat di samping sistem pembekalan elektrik yang lebih stabil dan terjamin.

“Seperti yang dipersetujui, jumlah siling indikatif subsidi daripada kerajaan Persekutuan kepada Sabah Electricity bagi 2024 hingga 2030 adalah sebanyak RM3.54 bilion. Ia merangkumi subsidi bahan api, subsidi solar berskala besar, subsidi sokongan tarif, dan subsidi Tenaga Boleh Baharu (FiT),” tambahnya. — Bernama